



## 10 penyelidik menang pingat di IENA dan Pameran Bio Malaysia

Oleh: DR. ARUN GUPTA

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus mencipta kejayaan apabila dua pingat emas, empat perak dan empat gangsa diraih oleh 10 penyelidik dalam pertandingan di *International Exhibition Ideas - Invention New Products* (IENA) 2010 di Jerman dan Pameran Bio Malaysia 2010 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dengan dua penyertaan dalam pameran IENA, penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdul Bari berjaya merangkul pingat emas menerusi penyelidikan bertajuk "*Aloe Vera Mucilage As New Flow Improving Agent In Pipelines Carrying Liquids In Turbulent Mode*".

Manakala, pingat perak disumbangkan oleh Dr. Chin Sim Yee menerusi projek penyelidikan beliau bertajuk "*Modified Heterogeneous Process For the Production Of Biodiesel With Glycerol Acetal Additive*".

Sementara itu, dalam Pameran Bio Malaysia, penyelidik yang diketuai Dr. Arun Gupta dari FKKSA mendapat pingat emas dalam projek penyelidikannya bertajuk "*Nano-Wood Composites*".

Penghasilan produk menggunakan teknologi nano ini mampu membantu industri kayu Malaysia dalam meningkatkan pasaran eksport dan mengukuhkan industri berasaskan kayu.

Penghasilan produk sebagai pengganti kayu solid ini memiliki sifat mekanik yang lebih tinggi dan mesra alam.

Turut menerima pingat perak, dengan produk penyelidikan bertajuk, "*Development Of A Membrane Anaerobic System (MAS) For Sewage Sludge Treatment*" oleh Profesor Madya Dr. Abdurahman Hamid Nour dalam membangunkan sistem anaerob alternatif membran (MAS) sebagai kaedah berkesan merawat sisa lumpur .

Selain beliau, produk penyelidikan bertajuk, "*Anaerobic Degradation Of Palm Oil Mill Effluent With Butyrate As A Sole Substrate*" oleh Dr. Anwar Ahmad dan pembangunan produk menggunakan bahan semula jadi bagi mengawal kesan denggi oleh Dr. Azhari Hamid Nour Abdulraman juga menerima pingat perak .

Sementara itu, pingat gangsa diterima oleh penyelidik dari FKKSA, Dr. D.M. Reddy Prasad, Dr. Mohammad Dalour Hossen Beg dan Dr. Julius Gimbutu.

Penyelidikan bertajuk "*UMP Caharu Quality Index*" oleh Saiful Nizam Tajuddin dan Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) turut menerima pingat gangsa.

Kejayaan ini memberi suntikan dan semangat baharu kepada penyelidik UMP dalam memperkenalkan nama universiti ke peringkat antarabangsa.